

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 19 TAHUN 2019**

**SERAH BALIK TANAH UNTUK TAPAK PENCAWANG LETRIK  
HASIL DARIPADA PECAH SEMPADAN.**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 23/19 yang bersidang pada 06 November 2019 melalui Kertas Bil. 23/2019/D 8(167) telah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

- i. Kawasan tanah untuk tapak pencawang letrik bagi tujuan Pecah Sempadan Tanah Di Bawah Seksyen 136 Kanun Tanah Negara 1965, Permohonan Secara Serentak Untuk Pecah Sempadan Tanah Di Bawah Seksyen 124A Kanun Tanah Negara 1965, Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Tanah Dibawah Seksyen 204A Kanun Tanah Negara 1965 setelah di luluskan dan hakmilik disediakan dan di daftarkan serta pemilik tanah telah menandatangani borang 12 A ( serahbalik semua bahagian tanah) dan menjadi tanah kerajaan sebagaimana berikut:-
  - a. Tanah ini diluluskan kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan di bawah Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 secara

pegangan kekal selama-lamanya dibawah hakmilik pendaftar tanpa mengenakan jenis kegunaan tanah, syarat nyata tanah dan sekatan kepentingan serta dikecualikan bayaran premium dan cukai tanah selama mana tanah ini terletak hak kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan sebagaimana peruntukan didalam Seksyen 5(1) Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017.

- b. Setelah tanah ini didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Kelantan, pemilik tanah akan menyerahkan tanah terlibat kepada Kerajaan Negeri dengan menggunakan Borang 12A Kanun Tanah Negara 1965 apabila Tenaga Nasional Berhad memohon tanah berkenaan menggunakan Borang Jadual I Kaedah Tanah Kelantan 1966 seterusnya tanah ini diluluskan dibawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930, Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 kepada Tenaga Nasional Berhad dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan .

2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut .



.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL** D.P.S.K (KELANTAN), K.M.N.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA:**

YABhg Dato'/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB.Dato' Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato'Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB.Dato'Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs Pengarah Kerajaan Tempatan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL NO : PTG.KN. 12/3/60**

**BERTARIKH : 21 RABIUL AWAL 1441H  
18 NOVEMBER 2019**